

Peruntukkan **RM4 juta lulus**

KPKT bantu baik pulih dua pangsapuri, dewan di Dun Dusun Tua

KAJANG - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan kira-kira RM4 juta untuk kerja membaik pulih dua pangsapuri dan sebuah dewan di Dun Dusun Tua.

Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar berkata, sebanyak RM2.2 juta diperuntukkan untuk membaik pulih di Pangsapuri Taman Segar Perdana.

"Pangsapuri ini mempunyai empat lif, dua daripadanya sudah tidak berfungsi lagi.

"Kita akan menukar dua lif baru serta membaik pulih dua lif lain," katanya.

Beliau berkata, pangsapuri yang berusia 14 tahun ini turut mempunyai masalah lain antaranya, saluran paip air hujan bocor, dan rumah sampah telah rosak.

"Apabila hujan lebat, kawasan parkir akan banjir, saluran air

INFO ● RM2.2 juta diperuntukkan untuk membaik pulih di Pangsapuri Taman Segar Perdana

● RM1.7 juta diperuntukkan untuk Pangsapuri Taman Kota Cheras bagi kerja menaik taraf

● RM200,000 diperuntukkan untuk naik taraf dan cat semula dewan di Taman Perkasa Fasa 1

yang rosak di bumbung itu pula menunggu masa untuk jatuh serta boleh menyebabkan kemalangan. Kerja baik pulih ini akan dilaksanakan segera," katanya.

Noh berkata, peruntukan sebanyak RM1.7 juta diperuntukkan untuk Pangsapuri Taman Kota



Noh mendengar masalah yang dihadapi oleh penduduk.

Cheras bagi kerja menaik taraf di kawasan itu.

"Penduduk di sana memohon untuk mengecat semula bangunan, menurap semula jalan, menaik taraf longkang di Blok C dan membina dataran kejut," katanya.

Beliau berkata, sebanyak RM200,000 diperuntukkan untuk menaik taraf dan mengecat semula dewan di Taman Perkasa Fasa 1.

"Kerja menaik taraf ini adalah untuk kesejahteraan komuniti di kawasan itu," katanya pada sidang me-

dia sempena lawatan kerja Noh di Dun Dusun Tua, kelmarin.

Turut hadir, Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abdul Aziz.

Sementara itu, JMB Pangsapuri Taman Segar Perdana, Manmanzal Nayan berkata, dua lif di pangsapuri itu tidak berfungsi sejak tiga tahun lalu.

"Saya telah mengadu masalah ini kepada beberapa pihak, namun jawapan yang diterima adalah saya kutip duit penyelenggaraan, saya perlu baik pulihnya.

"Hanya 35 peratus penduduk sahaja yang membayar wang penyelenggaraan, kos baik pulih pula tinggi, kita tidak mampu.

"Saya berasa bersyukur kerana KPKT sudi membantu menyelesaikan masalah di sini," katanya.